

Perkara Keempat Belas:

Perbincangan Tentang Perawi-Perawi Mukhtalaf Fih

Mula-mula sekali Imam Tirmidzi membincangkan tentang perawi-perawi lemah dan kedudukan hadits-hadits mereka. Ia disusuli dengan perbincangan tentang perawi-perawi mutakallam fih serta kedudukan hadits-hadits mereka, lalu diikuti pula dengan perbincangan tentang perawi-perawi tsiqah yang berkedudukan sangat tinggi dalam bidang periwayatan hadits.

Setelah diselangi dengan tiga perkara lain, sekarang Imam Tirmidzi kembali membincangkan pula tentang perawi-perawi. Kali ini beliau membincangkan tentang perawi-perawi mukhtalaf fih. Sebagai contoh beliau kemukakan tiga nama perawi mukhtalaf fih.

Perawi-perawi mutakallam fih ialah perawi-perawi yang dijarh dan juga di ta'dilkan oleh para ``ulama'' Rijāl, sedangkan jarh mereka menjejaskan `adālahnya. Perawi-perawi mukhtalaf fih juga dijarh dan dita'dilkan oleh para ``ulama'' Rijāl, tetapi jarh mereka tidak menjejaskan `adālahnya. Walaupun dijarh, mereka tetap dianggap tsiqah dan perawi yang boleh diterima riwayatnya.

Maka perlu sekali difahami hakikat jarh yang dilakukan terhadap mereka. Ia sebenarnya berpunca daripada kekeliruan, kekurangan ma'lumat atau salah faham sesetengah ``ulama'' Rijāl tentangnya.

`Ikrimah Maula Ibnī `Abbaas sebagai contohnya adalah salah seorang perawi mukhtalaf fih. Ia dituduh telah berdusta oleh sekumpulan ``ulama'' dari kalangan Tābi'īn. Antaranya Sa'id bin Musaiyyab, al-Qāsim bin Muḥammad, `Athā', Muḥammad bin Sīrīn, `Ali bin `Abdillāh bin `Abbās dan Yaḥyā bin Sa'id al-Anshāri.

Sementara sekumpulan ``ulama'' yang lain pula membantah dan tidak menganggap `Ikrimah begitu.

Kata Ayyub, "Dia bukan pendusta, aku tidak pernah menganggapnya berdusta."

Ibnu Abi Dzi'b menganggap `Ikrimah seorang perawi tsiqah. Bakr al-Muzani pula berkata, "Aku bersaksi bahawa dia (`Ikrimah) seorang Shadūq (sangat benar)."

Di kalangan Ḥuffāẓh hadits pula bukan Yahya bin Ma'īn sahaja mengatakan `Ikrimah tsiqah. Imam bukhari bahkan memasukkan hadits `Ikrimah ke dalam Sahihnya. Ibnu `Adi berkata, “Jika perawi-perawi tsiqāt meriwayatkan hadits daripadanya maka dia adalah mustaqīmul ḥadīth (perawi yang hadits-haditsnya terselamat daripada unsur-unsur kelemahan dan boleh dijadikan hujah).” Para imam hadits tidak enggan meriwayatkan hadits-hadits daripadanya.

Ahmad bin al-Qāsim berkata, “Aku melihat Ahmad (bin Ḥambal) mendha'ifkan riwayat `Ikrimah. Dan beliau tidak menganggap riwayatnya hujah.” Abu Bakar al-Khallāl pula berkata, “Itu hanya berhubung dengan hadits-haditsnya yang tertentu sahaja.” Al-Khallāl berkata lagi, “`Ikrimah di sisi Abi Abdillah (Imam Ahmad) adalah perawi tsiqah. Beliau berhujah dengan haditsnya.”

Ibnu Ma'īn sampai berkata, “Jika engkau dengar ada sesiapa berkata sesuatu yang tidak baik terhadap `Ikrimah, maka raguilah Islamnya.”

Abu Ḥātim berkata, “Haditsnya boleh dijadikan hujah apabila orang-orang yang tsiqah meriwayatkan daripadanya.” Kata Abu Ḥātim lagi, “Sebenarnya Mālik dan Yahya bin Sa'id mempertikaikan `Ikrimah tidak kerana lain melainkan kerana fahamannya yang terpesong. Dia dikatakan berfahaman Khawarij.” Demikian juga pandangan Ibnu Sīrīn terhadap `Ikrimah.

Pendustaan Ibnu `Umar terhadapnya memang diriwayatkan melalui beberapa saluran (riwayat), tetapi semuanya tidak sahih. Imam Mālik membantahnya.

Imam Tirmidzi mengemukakan beberapa nama perawi mukhtalaf fih. Antaranya `Abdul Malik bin Abi Sulaiman dan Ḥakīm bin Jubair. Syu`bah telah menjarhkan mereka berdua. Setelah dikaji oleh para ``ulama'', terbukti alasan Syu`bah menjarhkan mereka hanyalah kerana mereka ada meriwayatkan beberapa hadits yang disalah faham oleh Syu`bah maksudnya. Padahal maksudnya bukanlah seperti difahami Syu`bah.

Oleh kerana Syu`bah bukan seorang mujtahid dalam bidang fiqh, para ``ulama'' tidak menganggap jarhnya terhadap mereka kerana meriwayatkan hadits-hadits itu sebagai mu`tabar.

Langkah yang seharusnya diambil apabila berhadapan dengan perselisihan pandangan para ``ulama`` Jarh dan Ta`dīl tentang seseorang perawi ialah melihat kepada pihak manakah yang lebih ramai. Adakah pihak yang menjarhkannya atau yang mentautsqkannya. Pihak yang lebih ramai itulah seharusnya ditarjihkan. Jika kedua-dua pihak sama ramainya, maka perlu dilihat di pihak manakah terdapat lebih ramai tokoh-tokoh besar. Pihak yang lebih ramai tokoh besar itulah seharusnya ditarjihkan.

Langkah sederhana juga boleh diambil apabila bertembung dua pandangan yang berbeza tentang jarh dan ta`dīl seseorang perawi. Ia ibarat mencampurkan air yang sangat panas dengan air sejuk, hasil yang diprolehinya daripadanya ialah air suam. Dengan itu perawi yang berbeza pandangan ``ulama`` Rijāl tentangnya dari segi jarh dan ta`dīl itu diturunkan sedikit darjatnya, misalnya daripada kedudukan perawi sahih diturunkan kepada kedudukan perawi ḥasan.

Perawi-perawi mukhtalaf fih itu terbahagi kepada 4 bahagian:

- (1) Orang-orang yang memang dituduh (dikatakan telah) berdusta.
- (2) Orang-orang yang tidak dianggap atau dikatakan sebagai pendusta, tetapi kerana teruk sangat ingatannya, hadits-hadits yang diriwayatkannya banyak yang salah dan banyak pula terdapat waham padanya.

Perawi-perawi dari dua bahagian ini tidak boleh sama sekali diterima periwayatannya. Ia termasuk dalam kategori matrūk (perawi yang tidak boleh diterima riwayatnya).

- (3) Perawi-perawi yang dianggap benar dan kadang-kadang sahaja tersalah. Hadits-hadits perawi dari bahagian ke-3 ini boleh dijadikan hujah.
- (4) Perawi-perawi yang dianggap benar, tetapi banyak tersalah dan banyak waham. Walaupun begitu, tidaklah kesalahan dan wahamnya lebih banyak terdapat pada keseluruhan riwayat-riwayatnya.

Kebanyakan perawi mukhtalaf fih terdiri daripada bahagian ke-4 ini. Merekalah golongan yang diperselisihkan oleh para ``ulama`` Rijāl, sama ada riwayatnya boleh diterima, dijadikan hujah atau pun tidak.

Di sana terdapat juga perawi-perawi yang khilaf para ‘ulama’ Rijāl tentangnya. Adakah mereka termasuk dalam kategori perawi pendusta atau pun tidak? Perawi-perawi yang lebih banyak terdapat kesalahan di dalam hadits-haditsnya atau pun tidak? Perawi-perawi yang lebih banyak terdapat kesalahan-kesalahan yang teruk di dalam hadits-hadits yang diriwayatkannya atau pun kesalahan seperti itu hanya sedikit sahaja adanya?

قَالَ أَبُو عِيسَى وَقَدْ اخْتَلَفَ الْأَئِمَّةُ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ فِي تَضْعِيفِ الرِّجَالِ كَمَا اخْتَلَفُوا فِي سَوَى ذَلِكَ مِنَ الْعِلْمِ ذَكَرَ عَنْ شُعْبَةَ أَنَّهُ ضَعَّفَ أَبَا الزُّبَيْرِ الْمَكِّيَّ وَعَبْدَ الْمَلِكِ بْنَ أَبِي سُلَيْمَانَ وَحَكِيمَ بْنَ جَبْرِ وَتَرَكَ الرَّوَايَةَ عَنْهُمْ ثُمَّ حَدَّثَ شُعْبَةُ عَنْ هُوَ دُونَ هَؤُلَاءِ فِي الْحِفْظِ وَالْعَدَالَةِ حَدَّثَ عَنْ جَابِرِ الْجُعْفِيِّ وَإِبْرَاهِيمَ بْنِ مُسْلِمٍ الْهَجَرِيِّ وَمُحَمَّدِ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ الْعُرْزَمِيِّ وَغَيْرِ وَاحِدٍ مِّنْ يُضَعَّفُونَ فِي الْحَدِيثِ

Bermaksud: Kata Abu `Isa, “Para imam hadits berbeda pendapat dalam mendha`ifkan perawi-perawi, sebagaimana mereka berbeda pandangan berhubung dengan perkara-perkara lain dalam ilmu ini. Disebutkan bahawa Syu`bah mendha`ifkan Abu az-Zubair al-Makki,¹³⁹ `Abdul Malik bin Abi Sulaiman<sup>140</sup> dan `Hakīm bin Jubair.¹⁴¹ Beliau telah

¹³⁹ Beliau ialah Muḥammad bin Muslim bin Tadrus al-Makki al-Qurasyi al-Asadi, seorang perawi shadūq, ḥāfiẓh dan banyak meriwayatkan hadits. Abu az-Zubair adalah kuniahnya. Kata Ya`la bin `Athā, “Abu az-Zubair adalah antara manusia yang paling sempurna `aqlnya dan paling kuat ingatannya.

`Athā bin Abi Rabāh bercerita, kata beliau, “Kami selalu menghadap Jābir. Beliau meriwayatkan hadits kepada kami. Apabila kami keluar (dari sisinya) kami bermuzakarah. Ternyata Abu az-Zubair adalah yang paling ingat hadits antara kami.”

Ibnu Ma`īn dan an-Nasā`i mengatakan Abu az-Zubair tsiqah. Abu Zur`ah, Abu Ḥātim dan al-Bukhari pula mengatakan dia tidak boleh dijadikan hujah. Bukan seorang dua tokoh Rijāl hadits berpendapat dia seorang perawi mudallis. Jika dia menyatakan samā`nya, maka dia dianggap hujah. Abu az-Zubair meninggal dunia pada tahun 128 Hijrah. (Lihat Siyar A`lām an-Nubalā` j.5 m/s 380, Tadzkirotul Ḥuffāẓh j.1 m/s 95).

¹⁴⁰ Al-`Arzami al-Kūfi. Abu Muḥammad adalah kuniahnya. Beliau adalah salah seorang Hafizh hadits yang kuat dan hebat. `Abdul Malik bin Abi Sulaiman al-`Arzami terbilang sebagai salah seorang muḥaddits besar di zamannya. Abdur rahman bin Mahdi berkata, “Syu`bah sangat kagum dengan hafalan `Abdul Malik.” Ahmad, Ibnu ammaar dan al-`Ijli pula berkata, “Dia tsiqah dan hujah.” An-Nasā`i juga menganggapnya tsiqah. Imam bukhari bagaimanapun hanya menerimanya sebagai perawi syawahidnya sahaja. Abdul Malik meninggal dunia pada tahun 145 Hijrah. (Lihat Tadzkirotul Ḥuffāẓh j.1 m/s 117, Tahdzīb at-Tahdzīb j.6 m/s 352-353).

¹⁴¹ Beliau ialah Ḥakīm bin Jubair al-Asadi al-Kūfi. Kata Imam Ahmad tentangnya, “Perawi lemah lagi mudhtharib.” Ibnu Ma`īn berkata, “Langsung tidak bernilai.” Kata Ibnu al-Madīni,

berhenti meriwayatkan hadits daripada mereka. Kemudian beliau meriwayatkan daripada orang-orang yang lebih rendah kedudukannya daripada mereka itu, baik daripada segi ingatan atau daripada segi `adālahnya.

Beliau (Syu`bah) meriwayatkan hadits daripada Jābir al-Ju`fi, Ibrahim bin Muslim al-Hajari,¹⁴² Muhammad bin `Ubaidillah al-`Arzami¹⁴³ dan bukan seorang dari kalangan orang-orang yang dianggap dha`if dalam hadits.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ نَبْهَانَ بْنِ صَفْوَانَ الْبَصْرِيُّ حَدَّثَنَا أُمِيَّةُ بْنُ خَالِدٍ قَالَ قُلْتُ لَشُعْبَةَ تَدْعُ عَبْدَ الْمَلِكِ بْنَ أَبِي سُلَيْمَانَ وَتُحَدِّثُ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْعَرَزَمِيِّ قَالَ نَعَمْ قَالَ أَبُو عِيسَى وَقَدْ كَانَ شُعْبَةَ حَدَّثَ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ أَبِي سُلَيْمَانَ ثُمَّ تَرَكَهُ وَيُقَالُ إِنَّمَا تَرَكَهُ لِمَا تَفَرَّدَ بِالْحَدِيثِ الَّذِي رَوَى عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الرَّجُلُ أَحَقُّ بِشَفْعَتِهِ يُنْتَظَرُ بِهِ وَإِنْ كَانَ غَائِبًا إِذَا كَانَ طَرَفُهُمَا وَاحِدًا وَقَدْ ثَبَّتَهُ غَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ الْأَثَمَةِ وَحَدَّثُوا عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ وَعَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ أَبِي سُلَيْمَانَ وَحَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ

(1) Tentang `Abdul Malik Bin Abi Sulaiman

Aku pernah bertanya Yahya bin Sa`id tentangnya. Maka kata Yahya, “Berapa banyak (sangat) dia telah meriwayatkan (hadits)? Dia telah meriwayatkan sedikit sahaja hadits.” Abu Zur`ah berkata, “Dia seorang yang benar in sya’ Allah.” Hafiz Ibnu Hajar pula berkata tentangnya, “Perawi dhaif yang dituduh berfahaman Syi`ah, dari thabaqah ke-5. (Lihat Tahdzīb at-Tahdzīb j.2 m/s 383, Taqrīb at-Tahdzīb m.s 186).

¹⁴² Al-`Abdi. Abu Ishaq adalah kuniahnya. Yahya dan an-Nasā’i berkata, “Perawi yang lemah haditsnya.” Sufyan bin `Uyainah mendhaifkannya. Ali bin al-Junaid berkata, “Matrūk.” Al-Azdi pula berkata, “Dia perawi shadūq, suka memarfū`kan hadits dan banyak waham.” (Lihat Ibnu al-Jauzi – ad-Dhu`afā’ Wa al-Matrūkīn j.1 m/s 53).

¹⁴³ Beliau ialah Muhammad bin `Ubaidillah bin Abi Sulaiman al-`Arzami al-Fazāri al-Kūfi. Abu `Abdir Rahman adalah kuniahnya. Kata Ahmad, “Orang ramai meninggalkan (tidak mahu menerima) haditsnya.” Kata Yahya bin Ma`īn, “Langsung tidak bernilai. Tidak boleh ditulis haditsnya.” Kata al-Bukhari, “Ibnu al-Mubāarak dan Yahya tidak mahu menerima haditsnya.” Kata Wakī, “Al-`Arzami sebenarnya adalah seorang yang shaleh. Oleh kerana kitab-kitabnya telah hilang, dia hanya meriwayatkan hadits berdasarkan ingatannya semata-mata, maka banyaklah perkara mungkar dikemukakannya.” Muhammad bin `Ubaidillah al-`Arzami meninggal dunia pada tahun seratus lima puluhan Hijrah. (Lihat Tahdzīb al-Kamāl j.26 m/s 43-44, Taqrīb at-Tahdzīb m.s 494).

Bermaksud: Muhammad bin `Amar bin Nabhān bin Shafwān al-Bashri meriwayatkan kepada kami, katanya: Umaiyyah bin Khālīd<sup>144</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku berkata kepada Syu`bah, “Engkau meninggalkan `Abdul Malik bin Abi Sulaiman dan meriwayatkan hadits daripada Muḥammad bin `Ubaidillah al-`Azrami?” Jawab Syu`bah, “Ya”.

Kata Abu `Isa, “Syu`bah sebenarnya pernah meriwayatkan (hadits) daripada `Abdul Malik bin Abi Sulaiman, tetapi kemudian tidak mahu meriwayatkan daripadanya. Dikatakan Syu`bah sebenarnya tidak mahu meriwayatkan lagi hadits daripada `Abdul Malik bin Abi Sulaiman disebabkan ia bersendirian dalam meriwayatkan hadits daripada `Athā' bin Abi Rabāh daripada Jābir bin Abdillah daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Seseorang itu lebih berhak mensyuf`ah, ia ditunggu kerananya, walaupun ketika ketiadaannya, jika jalan mereka sama.”¹⁴⁵

Bukan seorang dua imam-imam hadits menganggap `Abdul Malik seorang perawi yang kuat. Mereka meriwayatkan hadits daripada Abi az-Zubair, `Abdul Malik bin Abi Sulaiman dan Ḥakīm bin Jubair.

¹⁴⁴ Beliau ialah Umaiyyah bin Khalid bin al-Aswad al-Qaisi al-Bashri. Abu `Abdillah adalah kuniahnya. Beliau saudara (abang) Hudbah. Abu Zur`ah, Abu Ḥātim, Tirmidzi dan al-`Ijli mengatakan beliau tsiqah. Daaraquthni berkata, “Aku tidak mengetahui dia melainkan sebagai seorang yang baik.” Hafiz Ibnu Hajar pula berkata, “Perawi shadūq, dari thabaqah ke-9. Umaiyyah meninggal dunia pada tahu 200 atau 201 Hijrah. (Lihat Tahdzīb at-Tahdzīb j.1 m/s 324, Taqrīb at-Tahdzīb m.s 114).

¹⁴⁵ Hadits ini diriwayatkan oleh Tirmidzi di dalam Sunannya dengan lafaz: الجار أحق بالشفعة (jiran mempunyai hak syuf`ah melebihi orang-orang lain). Setelah mengemukakannya Imam Tirmidzi berkata, “Ini adalah hadits gharib. Tiada siapa pun meriwayatkannya selain `Abdul Malik bin Abi Sulaiman daripada `Athā' daripada Jābir. Syu`bah mentajrīhkan `Abdul Malik bin Abi Sulaiman kerana hadits ini. Sedangkan `Abdul Malik adalah seorang tsiqah lagi ma`mūn di sisi Ahlul Hadits. Kita tidak mengetahui ada sesiapa mempertikaikannya kerana hadits ini selain Syu`bah. Wakī' telah meriwayatkan hadits ini daripada Syu`bah daripada `Abdul Malik bin Abi Sulaiman.”

Oleh kerana kebanyakan imam mujtahidin, termasuk Imam Malik, Syafie dan Ahmad tidak menerima hak syuf`ah jiwār, riwayat `Abdul Malik pula bercanggah dengan pandangan mereka, maka Syu`bah yang terpengaruh dengan pandangan mereka mempertikaikan riwayat `Abdul Malik. Padahal ada juga imam-imam mujtahid yang menerima hak syuf`ah jiwār itu. Antaranya ialah Imam Abu Hanifah. Atas alasan hadits yang menyabitkan hak syuf`ah itu hanya diriwayatkan oleh `Abdul Malik sahaja, Syu`bah mengetepikannya. Sedangkan `Abdul Malik adalah seorang perawi tsiqah. Tidak ada orang yang mendhaifkannya selain Syu`bah.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ وَابْنُ أَبِي لَيْلَى عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ قَالَ كُنَّا إِذَا خَرَجْنَا مِنْ
 عِنْدَ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَذَاكُرْنَا حَدِيثَهُ وَكَانَ أَبُو الزُّبَيْرِ أَحْفَظُنَا لِلْحَدِيثِ
 حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى بْنُ أَبِي عَمْرِو بْنِ الْمَكِّيِّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ قَالَ قَالَ أَبُو الزُّبَيْرِ كَانَ عَطَاءٌ يَقْدُمُنِي إِلَى جَابِرِ
 بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَحْفَظَ لَهُمُ الْحَدِيثَ
 حَدَّثَنَا بْنُ أَبِي عَمْرِو حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ سَمِعْتُ أَيُّوبَ السَّخْتِيَّ يَقُولُ حَدَّثَنِي أَبُو الزُّبَيْرِ وَأَبُو الزُّبَيْرِ قَالَ
 سُفْيَانُ بِيَدِهِ يَقْبِضُهَا
 قَالَ أَبُو عِيْسَى إِنَّمَا يَعْنِي بِهِ الْإِتْقَانَ وَالْحِفْظَ وَيُرْوَى عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْمُبَارَكِ قَالَ كَانَ سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ يَقُولُ كَانَ
 عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ أَبِي سُلَيْمَانَ مِيزَانًا فِي الْعِلْمِ

(2) Tentang Abu Az-Zubair

Bermaksud: Ahmad bin Manī` meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim¹⁴⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya: Ḥajjāj¹⁴⁷ dan Ibnu Abi Laila meriwayatkan

¹⁴⁶ Beliau ialah Husyaim bin Basyīr bin al-Qāsim bin Dīnār as-Sulami al-Wāsithi. Abu Mu`āwiah adalah kunyahnya. Husyaim tinggal di Baghdād. Beliau menyebarkan ilmu di sana di samping telah mengarang beberapa buah buku.

Ya`qub ad-Dauraqi berkata, “Husyaim mempunyai dua puluh ribu hadits.” Kata adz-Dzahabi, dia merupakan puncak dalam hafalan. Tetapi terkenal sebagai perawi yang banyak melakukan tadlis. Yazid bin Harun berkata, “Tidak pernah ku lihat sesiapa pun yang lebih kuat ingat hadits daripada Husyaim selain Sufyan – in sya’ Allah.

Ahmad bin `Abdillah al-`Ijli berkata, “Husyaim tsiqah, terbilang sebagai salah seorang hafiz (hadits), tetapi ia selalu melakukan tadlis.” Abu Haatim pernah ditanya tentang Husyaim, maka beliau menjawab, “Tidak perlu ditanya tentang kebenarannya, amanahnya dan kelayakannya.” Abdullah bin al-Mubārak pula berkata tentang Husyaim, “Peredaran masa mengubah ingatan kebanyakan orang, namun ia tidak mengubah ingatan Husyaim.” (Lihat Siyar A`lām an-Nubalā’ j.8 m/s 289-294).

¹⁴⁷ Beliau ialah Ḥajjāj bin Arthāt bin Tsaur bin Hubairah an-Nakha`i al-Kūfi. Kunyahnya ialah Abu Arthāt. Ḥajjāj pernah menyandang jawatan mufti di `Iraq dan beliau terbilang sebagai salah seorang tokoh fuqaha’ di zamannya. Walaupun Ḥajjāj disebut sebagai gedung ilmu, namun beliau tidak dianggap teguh dalam meriwayatkan hadits. Melakukan tadlis adalah kebiasaannya.

Abu Haatim berkata, “Ḥajjāj perawi shadūq yang melakukan tadlis daripada perawi-perawi dha`if. Kalau ia berkata حدثنا maka tidak diragui tentang kebenarannya.” Kata an-Nasā’i, “Tidak

kepada kami daripada `Athā' bin Abi Rabāh, kata beliau: “Kami apabila keluar dari sisi Jābir berbincang (bermuzakarah) tentang hadits-haditsnya, Abu az-Zubair adalah yang paling ingat hadits di antara kami.”¹⁴⁸

Muhammad bin Yahya bin Abi `Umar al-Makki meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan bin `Uyainah meriwayatkan kepada kami, katanya: Kata Abu az-Zubair, “`Athā' sering menyuruh aku berada di hadapan Jābir bin `Abdillah, tujuannya ialah supaya aku menghafal haditsnya untuk mereka.”

Ibnu Abi `Umar meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku mendengar Ayyub as-Sakhtiāni berkata, “Abu az-Zubair meriwayatkan kepadaku, Abu az-Zubair dan Abu az-Zubair, sambil Sufyan mengisyaratkan dengan tangannya yang terenggam. Kata Abu `Isa, “Sesungguhnya beliau bermaksud (dengan menggenggam tangannya itu) menyatakan keteguhan Abu az-Zubair dan kekuatan hafalannya.”¹⁴⁹

Diriwayatkan daripada `Abdullah bin al-Mubārak, kata beliau, Sufyan ats-Tsauri selalu berkata: “Abdul Malik bin Abi Sulaiman adalah neraca dalam ilmu ini (ilmu hadits).”

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ عَنْ عَلِيٍّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَأَلْتُ يَحْيَى بْنَ سَعِيدٍ عَنْ حَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ فَقَالَ تَرَكَهُ شُعْبَةُ مِنْ أَجْلِ الْحَدِيثِ الَّذِي رَوَى فِي الصَّدَقَةِ يَعْنِي حَدِيثَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ سَأَلَ النَّاسَ وَلَهُ مَا يُغْنِيهِ كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَمْوشًا فِي وَجْهِهِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا يُغْنِيهِ قَالَ خَمْسُونَ دِرْهَمًا أَوْ قِيمَتَهَا مِنَ الذَّهَبِ قَالَ عَلِيٌّ قَالَ يَحْيَى وَقَدْ حَدَّثَ عَنْ حَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ وَزَائِدَةُ قَالَ عَلِيٌّ وَلَمْ يَرِ يَحْيَى بِحَدِيثِهِ
بِأَسَا

kuat.” Kata Ibnu `Adi, “Orang ramai tidak menyenanginya kerana ia meriwayatkan secara tadlis daripada az-Zuhri dan lain-lain. Kadang-kadang tersilap dalam periwayatannya. Namun tidaklah ia dengan sengaja berdusta. Ia termasuk dalam perawi-perawi yang boleh ditulis haditsnya.” Ĥajjāj meninggal dunia pada tahun 149 Hijrah. (Lihat Tadzkiratu al-Ĥuffāzh j.1 m/s 140, Tahdzīb at-Tahdzīb j.2 m/s 173-174).

¹⁴⁸ Riwayat ini menunjukkan Abu az-Zubair bukan sahaja seorang hafiz hadits, malah beliau juga adalah orang yang paling banyak menghafal (ingat) hadits-hadits Jābir.

¹⁴⁹ Kesimpulannya ialah Abu az-Zubair adalah perawi tsiqah yang tinggi kedudukannya di sisi sekian ramai `ulama' Rijāl. Jarh (kritikan) Syu`bah terhadapnya tidak boleh dianggap mu`tabar.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ آدَمَ عَنْ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ عَنْ حَكِيمِ بْنِ جُبَيْرٍ بِحَدِيثِ الصَّدَقَةِ قَالَ يَحْيَى بْنُ آدَمَ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُثْمَانَ صَاحِبُ شُعْبَةَ لِسُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ لَوْ غَيْرَ حَكِيمٍ حَدَّثَ بِهَذَا فَقَالَ لَهُ سُفْيَانُ وَمَا لِحَكِيمٍ لَا يَحْدِثُ عَنْهُ شُعْبَةُ؟ قَالَ نَعَمْ فَقَالَ سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ سَمِعْتُ زَيْدًا يَحْدِثُ بِهَذَا عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدٍ

(3) Tentang Ĥakīm Bin Jubair

Bermaksud: Abu Bakar meriwayatkan kepada kami daripada `Ali bin `Abdillah, katanya: Aku bertanya Yahya bin Sa`id tentang Ĥakīm bin Jubair. Jawab beliau, “Syu`bah meninggalkannya kerana hadits yang diriwayatkannya tentang sedekah, iaitu hadits Ibnu Mas`ud daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Sesiapa meminta sedekah daripada manusia, padahal ada padanya kadar yang mencukupi (keperluannya), niscaya pada hari kiamat kelak permintaannya itu akan bertukar menjadi kesan cakaran di mukanya.” (Maka) Ada yang bertanya, “Wahai Rasulallah! Sebanyak manakah kadar yang mencukupinya itu?” Jawab Baginda, “Lima puluh dirham atau sama dengan nilainya daripada emas.”

Kata `Ali, Yahya berkata: “Sufyan ats-Tsauri dan Zā`idah meriwayatkan (hadits) daripada Ĥakīm bin Jubair.” Kata `Ali lagi, “Yahya tidak menganggap haditsnya bermasalah.”

Mahmud bin Ghailan meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Adam meriwayatkan kepada kami daripada Sufyan ats-Tsauri daripada Ĥakīm bin Jubair hadits sedekah. Kata Yahya bin Adam, “Maka berkatalah `Abdullah bin `Utsman murid Syu`bah kepada Sufyan ats-Tsauri, “Kalaulah bukan Ĥakīm yang meriwayatkan hadits ini (alangkah baiknya)! Lantas Sufyan berkata kepadanya, “Kenapanya dengan Ĥakīm? Adakah kerana Syu`bah tidak mahu meriwayatkan (hadits) daripadanya?” Jawab `Abdullah bin `Utsman, “Ya”. Maka berkata (pula) Sufyan, “Aku telah mendengar Zubaid meriwayatkan hadits ini daripada Muhammad bin `Abdir Rahman bin Yazid.”¹⁵⁰

¹⁵⁰ Maksud Sufyan ialah bukan Ĥakīm bin Jubair sahaja meriwayatkan hadits itu, Zubaid juga turut meriwayatkannya. Aku sendiri telah mendengar Zubaid meriwayatkan hadits ini daripada Muhammad bin `Abdir Rahman bin Yazid. Kesimpulannya ialah Ĥakīm tidak bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Muhammad bin `Abdir Rahman bin Yazid. Zubaid merupakan mutābi`nya.

Perkara Kelima Belas:

Hadits Hasan Menurut Istilah Imam Tirmidzi

Hadits sahih ialah hadits yang ada padanya lima perkara berikut:

(1) Sanadnya bersambung-sambung (tidak terputus) (2) Setiap orang daripada perawinya `adil (3) Setiap orang daripada perawinya dhābith (4) Tidak syādz (5) Tidak ber`illat (mempunyai kecacatan yang tersembunyi).

Hadits Hasan ialah hadits yang ada padanya lima perkara berikut:

(1) Sanadnya bersambung-sambung (tidak terputus) (2) Setiap orang daripada perawinya `adil (3) Setiap orang daripada perawinya dhabith, tetapi kedhabithannya lebih rendah berbanding kedhabithan yang terdapat pada perawi hadits sahih (4) Tidak syādz (5) Tidak ber`illat (mempunyai kecacatan yang tersembunyi).

Daripada istilah hadits sahih dan hadits hasan yang diberikan di atas dapat diketahui bahawa kedua-dua jenis hadits itu berlainan hakikatnya, walaupun pada kebanyakan ciri-ciri yang tersebut itu kedua-duanya sama. Dengan sebab adanya perbezaan pada ciri ketiga, kedua-duanya menjadi berlainan.

Imam Tirmidzi di dalam kitab Sunannya telah menggunakan lafaz hasan dalam dua cara. Pertama ia digandingkan dengan lafaz sahih. Dan keduanya ia digunakan secara tunggal dan berasingan. Kerana itu penting sekali diketahui maksud penggunaan beliau dalam dua cara yang berbeza itu.

Pandangan Para `Ulama' Hadits Tentang Maksud Imam Tirmidzi Mengandingkan Istilah Hasan Dan Sahih Untuk Menilai Hadits Tertentu:

Menurut Syu`bah, lima puluh dirham atau emas (dinar) yang senilai dengannya merupakan satu jumlah wang yang agak besar. Sedangkan jumlah yang lebih sedikit lagi daripada itu pun sudah boleh menjadi penghalang bagi seseorang daripada mengemis. Pada fikiran Syu`bah, mungkin ada sesuatu yang tak kena pada riwayat Ḥakīm tersebut.

Sebenarnya wang sejumlah itu bukanlah terlalu besar, terutamanya apabila diambil kira tempat dan zaman yang sentiasa berbeda-beda. Wang sejumlah itu hanyalah mencukupi untuk perbelanjaan sehari sahaja kepada sesetengah keluarga.

Memandangkan Zubaid juga meriwayatkan hadits itu daripada Muhammad bin `Abdir Rahman bin Yazid, dan beliau boleh dikira sebagai mutābi` Ḥakīm, maka keraguan Syu`bah terhadapnya tidak mempunyai apa-apa nilai lagi.

Imam Tirmidzi sendiri tidak menjelaskan apakah maksudnya apabila menggabungkan dua istilah itu. Walaupun para `ulama' hadits yang datang kemudian telah mengemukakan beberapa pandangan tentangnya, tetapi ia tidak tepat untuk semua tempat.

Sebagai contohnya pandangan yang mengatakan ia bermaksud menyatakan keraguan tentang kedudukan hadits yang dikatakan begitu. Hadits itu mungkin sahih, mungkin juga hasan sahaja. Tetapi ia menjadi tidak tepat apabila Imam Tirmidzi menggabungkan kedua istilah itu selepas mengemukakan hadits yang paling tinggi kedudukannya. Maka apakah ertinya keraguan di situ?

Selain dari itu, Imam Tirmidzi juga telah menggabungkan kedua istilah tersebut untuk 80% hadits-hadits yang dikemukakannya di dalam Kitab Sunannya. Tidak masuk akal Imam Tirmidzi berada dalam keraguan untuk menentukan sahih atau hasan terhadap 80% hadits-hadits yang dikemukakannya sendiri di dalam kitab berkenaan.

Pandangan yang seharusnya diterima untuk merungkai persoalan ini ialah menyedari bahawa hingga ke zaman Imam Tirmidzi, istilah sahih dan hasan belum lagi terpisah sebagai dua istilah yang berlainan seperti diketahui pada zaman-zaman selepasnya. Pada masa itu, sesetengah muhaddits menyebut hadits yang berkedudukan tinggi sebagai sahih, sesetengah yang lain pula menyebutnya sebagai hasan.

Imam Tirmidzi menggunakan kedua-dua istilah yang diterima dan diguna pakai pada ketika itu untuk sekian banyak hadits yang dikemukakannya di dalam kitab karangannya "Sunan at-Tirmidzi". Ia seolah-olahnya bermaksud: *هذا حديث صحيح في اصطلاح قوم وحسن في اصطلاح آخرين* (Ini adalah hadits sahih menurut istilah sekumpulan `ulama', dan ia hasan menurut istilah `ulama'-`ulama' yang lain).

Sekian lama sebelum zaman Imam Tirmidzi, hadits dibahagikan hanya kepada dua bahagian sahaja, sahih dan dha`if. Darjat hadits hasan belum lagi popular di zaman itu. Baru di zaman Imam Tirmidzi dan beberapa ketika sebelum zaman beliau sahaja istilah itu digunakan oleh sesetengah muhadditsin.

Maksud penggunaannya masih sama juga dengan istilah sahih, cuma istilah hasan pada mula-mulanya digunakan oleh muhaddits-muhaddits yang cenderung kepada ibarat-

ibarat yang agak lunak (رقيق العبارة) dalam bab jarh dan ta'dil. Seperti Imam `Ali bin `Abdillah al-Madīni, Imam Ahmad dan Imam Bukhari sendiri.

Lafaz jarh paling keras yang digunakan oleh Bukhari hanyalah منكر الحديث, beliau tidak menggunakan lafaz كذاب atau دجال untuk seseorang yang ditajrīhkannya. Orang-orang seperti ini sering juga menggunakan lafaz hasan untuk hadits sahih. Dengan erti ini adalah hadits yang bagus atau cantik.

Pada beberapa tempat di dalam Sunan Tirmidzi anda akan dapati Imam Tirmidzi bertanya gurunya Imam Bukhari tentang kedudukan hadits tertentu, lalu Bukhari menjawab pertanyaannya dengan berkata: حسن. Kemudian Imam Tirmidzi sendiri menilainya dengan kata beliau: هذا حديث حسن صحيح. Lihat sebagai contohnya di bawah: باب في المستحاضة الخ.

Di zaman itulah Imam Tirmidzi menulis kitabnya Sunan at-Tirmidzi. Dilema yang dihadapi beliau ialah istilah manakah daripada dua istilah (sahih dan hasan) itu seharusnya diguna pakai, yang lamakah atau yang baharu? Yang lama memang ada kelebihannya kerana kelamaannya. Yang baharu pula adalah istilah yang diguna pakai oleh guru-gurunya sendiri.

Jika istilah yang baharu ini menjadi popular, maka akan sia-sialah segala keputusan yang telah dibuat berdasarkan istilah lama itu. Untuk mengelak daripada kecelaruan itulah Imam Tirmidzi menggabungkan kedua-dua istilah hasan dan sahih itu dalam menilai sesuatu hadits yang sahih.

Tetapi istilah hasan dengan erti sahih itu tidak bertahan lama. Kerana secara perlahan-lahan ia kemudiannya menjadi satu istilah yang berasingan, seperti telah dikemukakan di atas.

Maksud Hadits Hasan Sahaja Oleh Tirmidzi:

Apakah erti hasan apabila digunakan oleh Tirmidzi secara tunggal atau tanpa menyebutkan sahih bersamanya? Jawapannya ialah hasan merupakan satu istilah yang baru diperkenalkan oleh Imam Tirmidzi. Apabila ia disebut secara tunggal maka ia dipakai dengan erti khusus seperti difahami beliau. Para `ulama' kemudian tidak

memakai hasan menurut istilah yang diperkenalkan oleh at-Tirmidzi itu. Hasan menurut mereka ialah yang diperkenalkan di permulaan perbincangan ini.

Imam Tirmidzi sedar bahawa istilah hasan yang diperkenalkannya itu suatu yang baharu, maka beliau sendiri cuba menjelaskannya. Hasan menurut istilah Tirmidzi ialah hadits yang terkumpul pada sanadnya tiga ciri berikut:

(1) Tidak ada seorang pun daripada perawinya tertuduh berdusta. (2) Riwayatnya tidak syadz. (3) Ia diriwayatkan melalui beberapa (banyak) saluran riwayat.

Apabila terkumpul ketiga-tiga perkara itu pada sesuatu hadits, maka ia dihukum sebagai hadits hasan (sahaja) oleh Tirmidzi.

Maksud ciri pertama, iaitu tidak ada seorang pun daripada perawinya tertuduh berdusta ialah tidak ada sesiapa pun daripada perawinya dituduh oleh mana-mana tokoh Rijāl hadits sebagai pendusta besar (كذاب) atau pereka hadits (واضع الحديث). Apabila sudah ternafi daripada perawi-perawinya tuduhan berat seperti itu bererti tidak boleh dihukum maudhu' atau rekaan terhadap hadits-hadits yang diriwayatkan oleh mereka. Tetapi itu tidaklah bererti perawi-perawi itu tidak dijarh (dikritik) dengan lafaz-lafaz jarh yang lain yang lebih rendah daripadanya. Riwayat perawi-perawi seperti itulah menurut Imam Tirmidzi bertaraf hasan.

Maksud ciri kedua hadits hasan di sisi Tirmidzi, iaitu riwayatnya tidak syadz ialah riwayat perawi hasan tidak menyalahi riwayat perawi-perawi tsiqah yang lain. Atau ia mempunyai mutābi' . شَدَّ يَشِدُّ شُدًّا bererti terpisah dari jama'ah atau menyalahi jama'ah.

Menurut Imam Syafi'e, hadits syadz bukanlah hadits yang diriwayatkan oleh mana-mana perawi tsiqah secara bersendirian dan tidak ada orang lain meriwayatkannya semata-mata, malah ia adalah hadits yang diriwayatkan oleh seorang perawi tsiqah dalam keadaan ia menyalahi riwayat perawi-perawi tsiqah yang lain.

Maksud ciri ketiga hadits hasan di sisi Tirmidzi, iaitu ia diriwayatkan melalui beberapa (banyak) saluran riwayat ialah kandungan hadits itu diriwayatkan juga daripada Nabi s.a.w. menerusi sanad-sanad yang lain.

Kesimpulannya ialah hadits yang diriwayatkan oleh perawi tsiqah yang mu'tabar, atau perawi yang banyak melakukan kesilapan dalam periwayatannya, atau perawi yang

banyak terdapat waham di dalam riwayat-riwayatnya, tetapi tidak ada siapa pun daripada mereka tertuduh berdusta, tidak syadz, tidak menyalahi hadits-hadits sahih dan kandungannya pula diriwayatkan melalui banyak (beberapa) sanad, itulah hadits hasan menurut Tirmidzi.

Perlu diketahui bahawa hadits hasan menurut Tirmidzi itu berbeza daripada hadits hasan li dzātihi (حسن لذاته) dalam istilah jumhur `ulama' hadits. Hadits dha`if ringan juga boleh jadi hadits hasan menurut beliau.

Oleh itu, kritikan Imam an-Nawawi dan lain-lain terhadap penilaian Imam Tirmidzi dalam menentukan sesuatu hadits sebagai hasan tidak kena pada tempatnya. Sebabnya ialah mereka mengkritik Imam Tirmidzi berdasarkan istilah hasan li dzātihi menurut jumhur, sedangkan istilah hasan Tirmidzi itu berbeza daripada istilah orang-orang lain. Di zaman Imam Tirmidzi, istilah hadits hasan sebagai hadits yang berasingan daripada hadits sahih dan ia terletak di antara hadits sahih dan hadits dha`if itu belum lagi mantap.

Istilah hasan Tirmidzi itu kemudiannya tidak popular seperti istilah hasan menurut jumhur `ulama' hadits. Ia hanya terhad dalam penggunaan beliau sahaja. Selepas zaman Imam Tirmidzi, hadits hasan menurut istilah jumhur itulah yang menjadi popular. Ia telah popular sebagai hadits yang kedudukannya berada di tengah di antara hadits sahih dan hadits dha`if.

Oleh kerana hasan menurut istilah Tirmidzi itu tidak popular di zaman kemudian, dan ia menjadi seperti sesuatu yang dilupakan, sesetengah `ulama' terkeliru dengannya, malah ada juga `ulama' yang tidak mengetahui langsung tentangnya. Sedangkan Imam Tirmidzi sendiri telah pun menjelaskan ta`rif hadits hasan menurut apa yang dipilih beliau melalui kata-kata beliau sendiri di dalam kitab `Ilal.

Di bawah ini adalah keterangan Imam Tirmidzi tentang ta`rif hadits hasan menurut ijtihadnya.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَمَا ذَكَّرْنَا فِي هَذَا الْكِتَابِ حَدِيثٌ حَسَنٌ فَإِنَّمَا أَرَدْنَا بِهِ حُسْنَ إِسْنَادِهِ عِنْدَنَا، كُلُّ حَدِيثٍ يُرْوَى لَا يَكُونُ فِي إِسْنَادِهِ مَنْ يُتَّهَمُ بِالْكَذِبِ وَلَا يَكُونُ الْحَدِيثُ شَاذًّا وَيُرْوَى مِنْ غَيْرِ وَجْهِ نَحْوَ ذَلِكَ فَهُوَ عِنْدَنَا حَدِيثٌ حَسَنٌ.

Bermaksud: Kata Abu `Isa, “Apa yang kami sebut di dalam kitab ini (Sunan at-Tirmidzi) sebagai hadits hasan sebenarnya maksud kami dengannya hanyalah elok isnadnya di sisi kami (menurut istilah kami), iaitu setiap hadits yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang tidak tertuduh berdusta, tidak syadz, dan kandungannya diriwayatkan tidak hanya menerusi satu saluran riwayat sahaja. Itulah hadits hasan di sisi kami.”

Jadi menurut Tirmidzi, hadits yang perawinya tidak terlalu lemah, tidak menyalahi hadits perawi-perawi tsiqah dan kandungannya tidak diriwayatkan hanya melalui satu saluran riwayat sahaja, malah ia diriwayatkan melalui beberapa saluran, itulah hadits hasan menurut Tirmidzi.

Ta`rif hadits hasan yang dibuat oleh Tirmidzi itu jika direnungi akan kelihatan ada titik pertemuannya dengan hadits sahih. Ini kerana hadits sahih ialah hadits yang diriwayatkan oleh perawi-perawi berkedudukan tinggi, ia tidak syadz, dan pada kebiasaannya kandungan hadits pula diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat.

Kalau begitu, perlulah ada garis pemisah di antara hadits hasan dan hadits sahih. Perkara ini tidak terdapat di dalam ta`rif yang dibuat oleh beliau itu.

Pada pandangan penulis, hadits sahih ialah hadits yang perawi-perawinya berada pada puncak di sudut `adālah, hafalan dan itqānnya (keteguhan dan kekuatannya). Hadits hasan pula ialah hadits yang perawi-perawinya lebih rendah daripada perawi-perawi hadits sahih di sudut yang tersebut tadi.

Garis pemisah di antara hadits sahih dan hadits hasan li dzātihi terletak pada kelebihan dan kekurangan sifat `adālah pada perawi-perawinya. Jika perawi berada pada tahap paling tinggi dalam `adālah (ke`adilan) dan ketsiqahannya, maka hadits riwayatnya adalah hasan li dzātihi. Jika perawi berada pada tahap yang lebih rendah dari itu, baik

dari segi `adālah mahupun hafalan dan itqān, maka hadits riwayatnya adalah hasan menurut istilah Tirmidzi.

Perkara Keenam Belas:

Hadits Gharib Menurut Istilah Imam Tirmidzi Dan Bahagian-Bahagiannya

Perkataan gharib daripada segi bahasa `Arab bererti asing dan tidak biasa. Daripada segi istilah ilmu hadits pula ia bererti (hadits) dha`if. Sebabnya (hadits) dha`if dikatakan gharib, kerana ia adalah suatu yang asing dan tidak biasa. Di zaman Imam Tirmidzi, perkataan gharib memang diguna dengan erti dha`if. Imam Tirmidzi sendiri telah mengguna perkataan itu dengan erti dha`if di dalam kitab Sunannya. Perkataan mungkar (منكر) pula diguna oleh beliau untuk hadits yang sangat dha`if.

Selain memakai perkataan gharib dengan ma`na dha`if, Imam Tirmidzi juga telah memakainya dengan tiga erti yang baharu. Di dalam Kitab al-`Ilal ini Imam Tirmidzi menerangkan tentang ma`na-ma`na baharunya seperti berikut:

(1) Hadits yang mempunyai satu sanad sahaja juga gharib menurut at-Tirmidzi. Walaupun di peringkat bawahnya ia menjadi masyhur. Sebagai contohnya riwayat Hammad bin Salamah dibawakan. Untuk hadits gharib yang masyhur di peringkat bawahnya pula beliau bawakan riwayat `Abdullah bin Dinar sebagai contoh.

(2) Hadits yang memang masyhur, tetapi di dalam saluran riwayat tertentu, perawinya ada menambahkan sesuatu, baik pada matannya atau pada sanadnya, saluran riwayat dengan tambahan seperti ini juga gharib menurut Tirmidzi.

Sebagai contohnya riwayat tentang zakat fitrah (صدقة الفطر). Berdasarkan saluran riwayat Malik terdapat tambahan من المسلمين di dalam matannya. Tambahan yang terdapat di dalam riwayat seperti ini, jika berpunca daripada perawi yang tsiqah dan kuat (seperti Imam Malik) boleh diterima. Jika tidak, maka tidak boleh diterima.

(3) Sesuatu hadits yang memang masyhur, ia diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat. Tetapi hadits berkenaan tidak begitu terkenal diriwayatkan daripada sahabat tertentu. Sanad yang sampai kepadanya juga hanya satu sahaja. Saluran riwayat seperti ini juga gharib menurut istilah Imam Tirmidzi.

Imam Tirmidzi mengemukakan empat contohnya. Dan dengan itu beliau menyudahkan kitab `Ilalnya ini.

وَمَا ذَكَرْنَا فِي هَذَا الْكِتَابِ حَدِيثٌ غَرِيبٌ، فَإِنَّ أَهْلَ الْحَدِيثِ يَسْتَعْرِضُونَ الْحَدِيثَ لِمَعَانٍ:

١- رُبَّ حَدِيثٍ يَكُونُ غَرِيبًا لَا يُرَوَّى إِلَّا مِنْ وَجْهِ وَاحِدٍ مِثْلُ مَا حَدَّثَ حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ أَبِي الْعَشْرَاءِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَمَا تَكُونُ الدُّكَاةُ إِلَّا فِي الْخَلْقِ وَاللَّبَّةِ فَقَالَ لَوْ طَعَنْتَ فِي فَخِذِهَا أَجْزَأَ عَنْكَ.

فَهَذَا حَدِيثٌ تَفَرَّدَ بِهِ حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ أَبِي الْعَشْرَاءِ وَلَا يُعْرَفُ لِأَبِي الْعَشْرَاءِ عَنْ أَبِيهِ إِلَّا هَذَا الْحَدِيثُ وَإِنْ كَانَ هَذَا الْحَدِيثُ مَشْهُورًا عِنْدَ أَهْلِ الْعِلْمِ وَإِنَّمَا اشْتَهَرَ مِنْ حَدِيثِ حَمَّادِ بْنِ سَلَمَةَ لَا يُعْرَفُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِهِ.

(يَعْنِي وَرُبَّ رَجُلٍ مِنَ الْأَئِمَّةِ يُحَدِّثُ بِالْحَدِيثِ لَا يُعْرَفُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِهِ) فَيَسْتَهْزِئُ الْحَدِيثَ لِكَثْرَةِ مَنْ رَوَى عَنْهُ، مِثْلُ مَا رَوَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ دِينَارٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَمَى عَنْ بَيْعِ الْوَلَاءِ وَعَنْ هَيْبَتِهِ.

وَهَذَا حَدِيثٌ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ رَوَاهُ عَنْهُ عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ وَشُعْبَةُ وَسُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ وَمَالِكُ بْنُ أَنَسٍ وَابْنُ عُيَيْنَةَ وَغَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ الْأَئِمَّةِ.

وَرَوَى يَحْيَى بْنُ سُلَيْمٍ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ فَوَهَمَ فِيهِ يَحْيَى بْنُ سُلَيْمٍ، وَالصَّحِيحُ هُوَ عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ، هَكَذَا رَوَى عَبْدُ الْوَهَّابِ الثَّقَفِيُّ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ نُمَيْرٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ.

وَرَوَى الْمُؤَمِّلُ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ شُعْبَةَ فَقَالَ شُعْبَةُ لَوَدِدْتُ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ دِينَارٍ أَدْنَى لِي حَتَّى كُنْتُ أَقُومُ إِلَيْهِ فَأَقْبَلَ بِرَأْسِهِ.

Ma`na Pertama Gharib Dan Contohnya

Bermaksud: Apa yang kami sebutkan di dalam kitab ini (Sunan at-Tirmidzi) “Hadits gharib”, maka (ketahuilah) sesungguhnya Ahlul Hadits (muḥadditsīn) menganggap gharib sesuatu hadits itu kerana beberapa sebab. (Keterangannya adalah seperti berikut):

(1) Sesetengah hadits dianggap gharib kerana ia diriwayatkan hanya melalui satu sanad sahaja. Contohnya ialah hadits yang diriwayatkan oleh Hammad bin Salamah daripada

Abi al-'Usyarā' daripada ayahnya, katanya, Aku berkata: “Wahai Rasulullah! Adakah sembelihan (yang sah) hanya dengan memotong (urat-urat pada leher) di antara bahagian paling atas dan bahagian paling bawah leher?” Maka Nabi s.a.w. bersabda: “Kalau engkau menikam bahagian pahanya (dengan lembing atau tombak dan sebagainya) pun sudah memadai.”¹⁵¹

Hammaad bin Salamah bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Abi al-'Usyarā'. Abu al-'Usyarā' pula tidak diketahui ada meriwayatkan apa-apa daripada ayahnya selain hadits ini. Walaupun hadits ini kemudiannya masyhur di kalangan ahli ilmu, tetapi sebenarnya ia baru masyhur setelah diriwayatkan oleh Hammaad bin Salamah. Ia tidak diketahui kecuali daripada hadits beliau.¹⁵²

Selalu juga berlaku, apabila seseorang imam meriwayatkan sesuatu hadits yang tidak diketahui kecuali daripada riwayatnya, lalu kemudian ia menjadi masyhur kerana ada ramai orang meriwayatkan hadits itu daripadanya.

¹⁵¹ Maksudnya ialah untuk sembelihan dalam keadaan dharurat (الذبح الاضطراري) cara itu pun sudah memadai. Hadits Hammaad bin Salamah daripada Abi al-'Usyarā' daripada ayahnya ini diriwayatkan oleh Tirmidzi di dalam Abwāb as-Shaid pada باب الذكاة في الحلق واللثة.

Cara penyembelihan binatang terbahagi kepada dua: (1) Penyembelihan dalam keadaan biasa (الذبح الاختياري) (2) Penyembelihan dalam keadaan dharurat (الذبح الاضطراري). Binatang yang berada di bawah kekuasaan dan kontrol seseorang, baik ia binatang temakan mahupun binatang liar perlulah disembelih dengan cara penyembelihan biasa. Yang dimaksudkan dengan cara penyembelihan biasa ialah memotong dengan sesuatu yang tajam (seperti pisau) empat urat utama di leher binatang berkenaan, iaitu urat amris (urat di kiri kanan batang leher), saluran pernafasan dan saluran makanan, di antara hujung rahang bawahnya dan bahagian paling bawah leher.

Binatang yang tidak dapat dikuasai dan ditangkap dengan mudah pula seperti binatang hutan yang liar atau binatang temakan besar yang telah menjadi sangat culas atau ia terjatuh ke dalam lubang atau telaga yang dalam sehingga tidak dapat keluar sendiri lagi daripadanya boleh saja disembelih dengan cara tidak biasa. Itulah yang dikatakan penyembelihan secara dharurat. Caranya ialah dengan mengucapkan بسم الله الله أكبر lalu menikamnya (di mana-mana bahagian tubuhnya) dengan sesuatu yang tajam seperti tombak, lembing dan sebagainya sehingga ia terluka dan mati begitu. Binatang yang disembelih secara dharurat itu juga halal dimakan.

Hadits Abi al-'Usyarā' ini berbicara tentang penyembelihan secara dharurat. Soalannya ialah adakah binatang itu hanya halal dimakan dengan disembelih secara biasa sahaja? Jawab Rasulullah s.a.w. tidak, malah dalam sesetengah keadaan ia boleh disembelih dengan cara tidak biasa, iaitu dalam keadaan dharurat. Dalam keadaan dharurat, penyembelihan secara dharurat begitu juga memadai.

¹⁵² Walaupun hadits ini kemudiannya masyhur, tetapi dilihat kepada bahagian atasnya ia tidak lebih daripada satu hadits gharib sahaja.

Contohnya ialah hadits yang diriwayatkan oleh `Abdullah bin Dinar daripada Ibnu `Umar, kata beliau, “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah melarang daripada menjual wala’ dan menghibahkannya.”¹⁵³

Ia tidak diketahui kecuali daripada riwayat `Abdullah bin Dinar. `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari, Syu`bah, Sufyan ats-Tsauri, Malik, Sufyan bin `Uyainah dan ramai lagi imam-imam yang lain meriwayatkannya daripada beliau.¹⁵⁴

Yahya bin Sulaim meriwayatkan hadits ini daripada `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari daripada Nāfi` daripada Ibnu `Umar. Yahya bin Sulaim telah terkeliru dalam meriwayatkannya. Yang betulnya ialah daripada `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari daripada `Abdullah bin Dīnār daripada Ibnu `Umar.¹⁵⁵

Demikianlah ia diriwayatkan oleh `Abdul Wahhaab ats-Tsaqafi dan `Abdullah bin Numair daripada `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari daripada `Abdullah bin Dīnār daripada Ibnu `Umar.¹⁵⁶

¹⁵³ Di dalam sunan at-Tirmidzi hadits ini tersebut di bawah “Abwāb al-Buyū” pada باب كراهية بيع الولاء وهبته (Bab Larangan Menjual Dan Menghibah Wala’). Maksud wala’ di sini ialah hak menerima pesaka daripada hamba yang dibebaskan (dimerdekakan). Andaikan ada seseorang memerdekakan hambanya, kemudian hamba itu meninggal dunia. Harta yang ditinggalkannya akan diwarisi oleh Dzawil Furūdh dan `Ashabah nasabnya jika mereka ada. Dalam keadaan tiada pula, hartanya akan diwarisi oleh tuannya yang telah memerdekakannya. Kerana ia merupakan `Ashabah sababinya. Hak mendapat pesaka daripada bekas hamba yang dimerdekakan itulah yang dinamakan wala’. Dan hak (wala’) ini tidak boleh dijual mahupun diberikan kepada orang lain. Ini kerana hak mutlaq tidak harus dijual beli.

¹⁵⁴ Kesimpulannya ialah hadits ini baru popular dan masyhur selepas `Abdullah bin Dīnār. Daripada beliau orang-orang lain menerimanya.

¹⁵⁵ Melalui perenggan ini Imam Tirmidzi cuba menjawab satu soalan andaian bahawa mungkin ada orang berkata, “Di mana gharibnya hadits ini kalau ia diriwayatkan juga oleh Yahya bin Sulaim daripada `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari daripada Nāfi` daripada Ibnu `Umar?” Maka jawabannya ialah sanad Yahya bin Sulaim itu silap. Yang betulnya ialah daripada `Ubaidullah bin `Umar al-`Umari daripada `Abdullah bin Dīnār daripada Ibnu `Umar. `Abdul Wahhāb ats-Tsaqafi dan `Abdullah bin Numair juga meriwayatkan begitu. Oleh kerana tokoh-tokoh hadits seperti an-Nasā’i dan lain-lain mengatakan hadits-hadits Yahya bin Sulaim daripada `Ubaidullah al-`Umari sangat dha`if, maka sanad yang dikemukakannya dianggap tidak mu`tabar.

¹⁵⁶ Hadits gharib dengan ma`na pertama ini tidak semestinya dha`if. Sanadnya mungkin dinilai tinggi. Gharib dengan ma`na ini boleh berkumpul bersama hasan dan sahih. Dan ia juga boleh berkumpul dengan hasan sahaja. Jika di dalam sanad yang tunggal itu ada perawi dha`if, maka ia akan dikira sebagai dha`if. Ketika itu terkumpul dua ma`na gharib padanya. Satunya kerana ia adalah sanad yang tunggal, dan keduanya ialah kerana ia (memang) dha`if.

Setelah al-Mu'ammal meriwayatkan hadits ini daripada Syu'bah, maka Syu'bah berkata kepadanya, “Ingin sekali aku pergi kepada `Abdullah bin Dinar lalu mencup kepala, jika dia membenarkan daku melakukan begitu.”¹⁵⁷

٢- قَالَ أَبُو عِيسَى وَرُبَّ حَدِيثٍ إِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ لِرِيَادَةٍ تَكُونُ فِي الْحَدِيثِ، وَإِنَّمَا تَصِحُّ إِذَا كَانَتْ الرِّيَادَةُ مِمَّنْ يُعْتَمَدُ عَلَى حِفْظِهِ مِثْلُ مَا رَوَى مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ قَالَ فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ وَصَاعًا مِنْ شَعِيرٍ قَالَ وَزَادَ مَالِكٌ فِي هَذَا الْحَدِيثِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

رَوَى أَيُّوبُ السَّخْتِيَانِيُّ وَعَبِيدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ وَغَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ الْأَثَمَةِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ بَنِي عُمَرَ وَلَمْ يَذْكُرُوا فِيهِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ. وَقَدْ رَوَى بَعْضُهُمْ عَنْ نَافِعٍ مِثْلَ رِوَايَةِ مَالِكٍ مِمَّنْ لَا يُعْتَمَدُ عَلَى حِفْظِهِ. وَقَدْ أَخَذَ غَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ الْأَثَمَةِ بِحَدِيثِ مَالِكٍ. وَاحْتَجُّوا بِهِ مِنْهُمْ الشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ قَالَا إِذَا كَانَ لِلرَّجُلِ عَبْدٌ غَيْرُ مُسْلِمٍ لَمْ يُؤَدَّ عَنْهُمْ صَدَقَةُ الْفِطْرِ، وَاحْتَجَّ بِحَدِيثِ مَالِكٍ فَإِذَا زَادَ حَافِظٌ مِمَّنْ يُعْتَمَدُ عَلَى حِفْظِهِ قُبِلَ ذَلِكَ مِنْهُ.

Ma`na Kedua Gharib Dan Contohnya

Bermaksud: Kadang-kadang sesuatu hadits dianggap gharib semata-mata kerana ada sesuatu penambahan di dalamnya. Bagaimanapun ia dianggap sahih jika penambahan dibuat oleh orang (perawi) yang dipercayai hafalannya.¹⁵⁸

Contohnya ialah riwayat Malik bin Anas daripada Nāfi` daripada Ibni `Umar, kata beliau, “Rasulullah s.a.w. telah memfardhukan zakat fitrah di bulan Ramadhan ke atas

¹⁵⁷ Tujuan Imam Tirmidzi mengemukakan riwayat Mu'ammal ini pula ialah untuk membuktikan bahawa memang `Abdullah bin Dīnār sahaja yang meriwayatkan hadits itu. Itulah sebabnya Syu'bah begitu terhutang budi dengannya sehingga mendorong beliau berkata, “Ingin sekali aku pergi kepada `Abdullah bin Dinar lalu mencup kepala, jika dia membenarkan daku melakukan begitu.”

¹⁵⁸ Jika penambahan dibuat oleh orang (perawi) yang hafalannya tidak dipercayai (kerana kelemahannya) pula hadits berkenaan akan dihukum dha`if.

setiap orang yang merdeka atau hamba, baik lelaki mahupun perempuan dari kalangan orang-orang Islam, sebanyak segantang buah tamar atau segantang (gandum) barli.”

Kata at-Tirmidzi, “Malik menambahkan di dalam hadits ini rangkai kata "من المسلمين" (dari kalangan orang-orang Islam)”.

Ayyub as-Sakhtiyāni, `Ubaidullah bin `Umar dan bukan seorang dua imam telah meriwayatkan juga hadits ini daripada Nāfi` daripada Ibni `Umar, tetapi tiada pula mereka menyebutkan rangkai kata itu (من المسلمين).

Ada juga perawi yang meriwayatkan hadits itu daripada Nāfi` seperti riwayat malik, tetapi ia bukanlah perawi yang boleh dipegang dan dipercayai hafalannya.¹⁵⁹

Bukan seorang dua imam (mazhab) berpegang dan berhujah dengan hadits Malik itu. Antara mereka ialah asy-Syafi`e dan Ahmad bin Hambal. Kedua-dua mereka berpendapat, jika seseorang mempunyai beberapa orang hamba bukan muslim, tidak perlulah ia mengeluarkan zakat fitrah bagi pihak mereka. Hujah mereka berdua ialah hadits Malik. Apabila seseorang hafiz (hadits) yang dipercayai hafalannya menambahkan sesuatu (di dalam hadits), niscaya ia (boleh) diterima.¹⁶⁰

۳- وَرَبَّ حَدِيثٍ يُرَوَّى مِنْ أَوْجِهٍ كَثِيرَةٍ وَإِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ لِحَالِ الْإِسْنَادِ:

(۱) حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ وَأَبُو هِشَامٍ الرَّفَاعِيُّ وَأَبُو السَّائِبِ وَالْحُسَيْنُ بْنُ الْأَسْوَدِ قَالُوا حَدَّثَنَا أَبُو أَسَامَةَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ جَدِّهِ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْكَافِرُ يَأْكُلُ فِي سَبْعَةِ أَمْعَاءٍ وَالْمُؤْمِنُ يَأْكُلُ فِي مَعَى وَاحِدٍ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ مِنْ قَبْلِ إِسْنَادِهِ

¹⁵⁹ Perenggan ini dikemukakan oleh Tirmidzi sebagai jawapan bagi soalan yang diandaikan iaitu bukan Malik sahaja meriwayatkan hadits itu dengan tambahan tersebut. Malah terdapat tujuh orang mutābi` Malik yang turut meriwayatkannya daripada Nāfi`. Jawapan Tirmidzi ialah tujuh orang yang disebutkan itu bukanlah perawi yang boleh dipegang dan dipercayai hafalannya. Maka ia seperti tiada jua.

¹⁶⁰ Imam Abu Hanifah, Ishaq bin Rahawaih, Sufyan ats-Tsauri dan lain-lain pula berpendapat seorang tuan yang memiliki hamba bukan Islam (kafir) juga berkewajipan mengeluarkan zakat fitrah bagi pihak hambanya itu. Alasan mereka ialah tambahan yang terdapat di dalam riwayat Malik itu gharib dan ia tidak seharusnya dijadikan pegangan. Apalagi Ibnu `Umar sendiri yang meriwayatkan hadits itu mengeluarkan zakat fitrah hamba-hambanya yang bukan Islam. Mengatakan beliau memberi zakat fitrah itu hanya sebagai sunat sahaja tidak lebih daripada satu andaian semata-mata.

وَقَدْ رَوَى هَذَا الْحَدِيثُ مِنْ غَيْرِ وَجْهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَإِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي مُوسَى، سَأَلْتُ مُحَمَّدَ بْنَ غَيْلَانَ عَنْ هَذَا الْحَدِيثِ فَقَالَ هَذَا حَدِيثُ أَبِي كُرَيْبٍ عَنْ أَبِي أُسَامَةَ وَسَأَلْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ عَنْ هَذَا الْحَدِيثِ فَقَالَ هَذَا حَدِيثُ أَبِي كُرَيْبٍ عَنْ أَبِي أُسَامَةَ لَمْ نَعْرِفْهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ أَبِي كُرَيْبٍ عَنْ أَبِي أُسَامَةَ، فَقُلْتُ لَهُ: حَدَّثَنَا غَيْرُ وَاحِدٍ عَنْ أَبِي أُسَامَةَ بِهَذَا فَجَعَلَ يَتَعَجَّبُ، وَقَالَ: مَا عَلِمْتُ أَنَّ أَحَدًا حَدَّثَ بِهَذَا غَيْرُ أَبِي كُرَيْبٍ، وَقَالَ مُحَمَّدٌ: وَكُنَّا نَرَى أَنَّ أَبَا كُرَيْبٍ أَخَذَ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ أَبِي أُسَامَةَ فِي الْمَذَاكِرَةِ.

Ma`na Ketiga Gharib Dan Contoh Pertamanya

Bermaksud: Ada hadits diriwayatkan melalui banyak saluran, tetapi ia dianggap gharib (juga) kerana keadaan isnadnya. Sebagai contohnya:

(1) Hadits yang diriwayatkan oleh Abu Kuraib, Abu Hisyam ar-Rifā'i, Abu as-Sā'ib, dan al-Ĥusain bin al-Aswad kepada kami, kata mereka: Abu Usāmah meriwayatkan kepada kami daripada Buraid bin `Abdillah bin Abi Burdah daripada datuknya Abi Burdah daripada Abi Musa daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: “Orang kafir makan dalam tujuh perut. Orang mu'min (pula) makan dalam satu perut sahaja.”¹⁶¹

Kata Abu `Isa, ini adalah hadits gharib melalui saluran riwayat ini daripada segi isnadnya. Ia tidak diriwayatkan melalui satu saluran sahaja daripada Nabi s.a.w.¹⁶² Yang dianggap gharib ialah saluran riwayat daripada Abi Musa.

Aku bertanya Mahmud bin Ghailan tentang hadits ini, dia menjawab, “Ini adalah hadits Abu Kuraib daripada Abi Usamah.”¹⁶³

¹⁶¹ Hadits ini bukanlah bererti perut orang kafir ada lebih banyak daripada perut orang mu'min. tetapi maksud sebenarnya ialah orang kafir mempunyai sifat tamak dan haloba. Orang mu'min pula berpada dengan apa yang ada, ia tidak tamak dan haloba.

¹⁶² Ibnu `Umar, Abu Hurairah, Abu Sa'id al-Khudri, Abu Bashrah al-Ghifāri, Jahjāh al-Ghifāri, Saiyyidatuna Maimunah, dan `Abdullah bin `Amar adalah antara sahabat yang telah meriwayatkan hadits ini. Tetapi melalui saluran riwayat Abu Musa ia gharib. Sanadnya ialah seperti disebutkan oleh Tirmidzi di sini. Sanadnya hanya satu itu sahaja.

¹⁶³ Maksudnya ialah tidak adakah sanadnya yang lain selain sanad ini? Jawabnya tidak ada. Ini sahaja sanadnya.

Aku bertanya (pula) Muhammad bin Ismail (Imam Bukhari) tentangnya. Dia menjawab, “Ini hadits Abu Kuraib daripada Abi Usamah. Kami tidak mengetahuinya melainkan daripada hadits Abu Kuraib daripada Abi Usamah.” Maka aku berkata kepadanya, “Bukan seorang perawi telah meriwayatkan hadits ini kepada kami daripada Abi Usamah.” Imam Bukhari menyatakan kehairanannya sambil berkata, “Aku tidak mengetahui ada sesiapa pun meriwayatkan hadits ini selain Abu Kuraib.” Beliau (Imam Bukhari) seterusnya berkata, “Kami fikir Abu Kuraib mengambil (menerima) hadits ini daripada Abu Usamah dalam muzakarah (sahaja).”¹⁶⁴

(٢) حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي زِيَادٍ وَغَيْرُ وَاحِدٍ قَالُوا حَدَّثَنَا شَبَابَةُ بْنُ سَوَّارٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ بُكَيْرِ بْنِ عَطَاءٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَعْمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَمَى عَنِ الدُّبَاءِ وَالْمُرْقَتِ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ قَبْلِ إِسْنَادِهِ لَا نَعْلَمُ أَحَدًا حَدَّثَ بِهِ عَنْ شُعْبَةَ غَيْرَ شَبَابَةَ وَقَدْ رَوَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَوْجِهٍ كَثِيرَةٍ أَنَّهُ هَمَى أَنْ يُتَبَذَّ فِي الدُّبَاءِ وَالْمُرْقَتِ وَحَدِيثُ شَبَابَةَ إِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ لِأَنَّهُ تَفَرَّدَ بِهِ عَنْ شُعْبَةَ وَقَدْ رَوَى شُعْبَةُ وَسُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ هَذَا الْإِسْنَادَ عَنْ بُكَيْرِ بْنِ عَطَاءٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَعْمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ الْحُجُّ عَرَفَةٌ فَهَذَا الْحَدِيثُ الْمَعْرُوفُ عِنْدَ أَهْلِ الْحَدِيثِ بِهَذَا الْإِسْنَادِ.

Contoh Kedua Gharib Dengan Ma`na Ketiganya

(2) `Abdullah bin Abi Ziyād dan bukan seorang (perawi) meriwayatkan kepada kami, kata mereka: Syabābah bin Sawwār meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada Bukair bin `Athā' daripada `Abdir Rahman bin Ya`mar bahawa “Nabi s.a.w. melarang daripada buah labu dan tempayan berminyak.”¹⁶⁵

¹⁶⁴ Maksud dalam muzakarah sahaja ialah dalam perbualan dan perbincangan biasa sahaja, bukan dalam majlis yang khusus secara rasmi.

¹⁶⁵ Hadits ini ada dipenghujung أبواب الأشربة باب كراهية أن ينتبذ في الدباء di dalam Sunan at-Tirmidzi. Maksud buah labu di sini ialah kulitnya yang telah dibuang isinya dan dikeringkan, kemudian dijadikan sebagai bekas untuk menyimpan sesuatu barang atau memeram air perahan buah-buahan tertentu atau nira tamar dan sebagainya.

Kata Abu `Isa, “Ini adalah hadits gharib daripada segi sanadnya. Kami tidak mengetahui ada sesiapa meriwayatkannya daripada Syu`bah selain Syabābah. Sedangkan telah diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. melalui banyak saluran bahawa Baginda melarang daripada dibuat nabiz di dalam buah labu dan tempayan berminyak.

Hadits Syababāh dianggap gharib kerana dia sahaja yang meriwayatkan hadits itu daripada Syu`bah. Padahal Syu`bah dan Sufyan ats-Tsauri dengan isnad ini, iaitu daripada Bukair daripada `Athā' daripada `Abdir Rahman bin Ya`mar daripada Nabi s.a.w. telah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: الحج عرفة (Haji itu `Arafah).¹⁶⁶ Inilah hadits yang ma`rūf di kalangan Ahlul Hadits dengan isnad ini.¹⁶⁷

(٣) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ حَدَّثَنِي أَبُو مُزَاحِمٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَبِعَ جَنَازَةً فَصَلَّى عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ وَمَنْ تَبِعَهَا حَتَّى يُقْضَى قَضَاؤُهَا فَلَهُ قِيرَاطَانِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْقِيرَاطَانِ قَالَ أَصْغَرُهُمَا مِثْلُ أُخْدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَخْبَرَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ سَلَامٍ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ حَدَّثَنَا أَبُو مُزَاحِمٍ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ تَبِعَ جَنَازَةً فَلَهُ قِيرَاطٌ فَذَكَرَ نَحْوَهُ بِمَعْنَاهُ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ وَأَخْبَرَنَا مَرْوَانُ عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ سَلَامٍ قَالَ قَالَ يَحْيَى وَحَدَّثَنِي أَبُو سَعِيدٍ مَوْلَى الْمُهَرِّبِيِّ عَنْ حَمْرَةَ بْنِ سَفِينَةَ عَنِ السَّائِبِ سَمِعَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَهُ قُلْتُ لِأَيِّ مُحَمَّدٍ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ مَا الَّذِي اسْتَعْرَبُوا مِنْ حَدِيثِكَ بِالْعِرَاقِ قَالَ حَدِيثُ السَّائِبِ عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ هَذَا الْحَدِيثَ وَسَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ يُحَدِّثُ بِهَذَا الْحَدِيثِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ أَبُو عِيسَى وَهَذَا حَدِيثٌ قَدْ رُوِيَ مِنْ غَيْرِ وَجْهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ هَذَا الْحَدِيثُ لِحَالِ إِسْنَادِهِ لِرَوَايَةِ السَّائِبِ عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Maksud tempayan berminyak pula ialah tempayan yang bahagian dalamnya dilumuri minyak tar dan sebagainya.

¹⁶⁶ Maksudnya ialah rukun haji yang terpenting ialah wuquf di `Arafah.

¹⁶⁷ Dan inilah yang sahih. Adapun riwayat larangan menyimpan nabiz di dalam kulit buah labu yang kering dan tempayan yang berminyak itu, maka itu gharib.

Contoh Ketiga Gharib Dengan Ma`na Ketiganya

(3) Muhammad bin Basysyār meriwayatkan kepada kami, katanya: Mu`adz bin Hisyām meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepadaku daripada Yahya bin Abi Katsīr, katanya: Abu Muzāḥim meriwayatkan kepadaku bahwa dia mendengar Abu Hurairah berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa mengiringi jenazah, lalu dia menyembahyangkannya, dia mendapat satu qīrāth, dan sesiapa mengiringinya sehingga ia selesai dikafankan, dia mendapat dua qīrāth.” Mereka (para sahabat) bertanya, “Wahai Rasulullah, sebanyak manakah dua qīrāth itu?” Jawab Baginda, “Yang lebih kecil daripada dua qīrāth itu ialah sebesar bukit Uhud.”¹⁶⁸

Abdullah bin `Abdir Rahman (Imam ad-Dārimi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Marwān bin Muhammad meriwayatkan kepada kami daripada Mu`āwiah bin Sallām, katanya: Yahya bin Abi Katsīr meriwayatkan kepadaku, katanya: Abu Muzāḥim meriwayatkan kepada kami bahawa dia mendengar Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Sesiapa mengiringi jenazah, lalu dia menyembahyangkannya, dia mendapat satu qīrāth... Lalu dia menyebutkan hadits yang sama mafhumnya dengan hadits tadi.

Kata `Abdullah (bin `Abdir Rahman lagi), Marwān bin Muhammad meriwayatkan kepada kami daripada Mu`āwiah bin Sallām, katanya: Yahya bin Abi Katsīr berkata, Abu Sa`id Maula al-Mahri juga meriwayatkan kepadaku daripada Ḥamzah bin Safīnah daripada as-Sā`ib bahawa dia mendengar `Aaisyah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. hadits yang sama ma`nanya dengan hadits sebelum ini.

Aku berkata kepada Abu Muhammad `Abdullah bin `Abdir Rahman, “Haditsmu yang manakah yang dianggap gharib di Iraq?” Beliau menjawab, “Hadits as-Sā`ib daripada `Aaisyah daripada Nabi s.a.w. Maka beliau menyebutkan hadits ini.

Aku mendengar Muhammad bin Isma`il (Imam Bukhari) meriwayatkan hadits ini daripada `Abdullah bin `Abdir Rahman.

Kata Abu `Isa, ini adalah hadits yang diriwayatkan daripada `Aaisyah bukan melalui satu saluran riwayat sahaja (malah banyak salurannya), ia dianggap gharib tidak kerana

¹⁶⁸ Hadits ini diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadits yang sahih melalui beberapa saluran riwayat.

lain melainkan kerana keadaan isnadnya, kerana riwayat as-Sā'ib daripada `Aaisyah daripada Nabi s.a.w.

(٤) حَدَّثَنَا أَبُو حَفْصٍ عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْقَطَّانُ حَدَّثَنَا الْمُغِيرَةُ بْنُ أَبِي قُرَّةٍ السَّدُوسِيُّ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَعْقِلْهَا وَأَتَوَكَّلْ أَوْ أَطْلُقْهَا وَأَتَوَكَّلْ قَالَ أَعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ قَالَ عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ قَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ هَذَا عِنْدِي حَدِيثٌ مُنْكَرٌ قَالَ أَبُو عِيسَى وَهَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ لَا نَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ وَقَدْ رَوَى عَنْ عَمْرُو بْنِ أُمَيَّةٍ الضَّمِرِيُّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ هَذَا

Contoh Keempat Gharib Dengan Ma`na Ketiganya

(4) Abu Ḥafsh `Amar bin `Ali meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa`id al-Qatthān meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Mughīrah bin Abi Qurrah as-Sadūsi meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku mendengar Anas bin Malik berkata, Ada seorang lelaki bertanya: “Wahai Rasulallah! Aku mengikatnya dan bertawakkal (kepada Allah) atau aku melepaskannya dan bertawakkal (kepada Allah)?” Jawab Nabi s.a.w.: “Ikatlah ia dan bertawakkallah.”

Berkata `Amar bin `Ali, kata Yahya bin Sa`id: “Hadits ini bagiku adalah hadits yang mungkar (sangat dha`if).”

Abu `Isa berkata, “Ini adalah hadits gharib melalui saluran riwayat ini. Kita tidak mengetahuinya daripada riwayat Anas bin Malik melainkan melalui saluran ini. Ada (juga) diriwayatkan daripada `Amar bin Umaiyah ad-Dhamri daripada Nabi s.a.w. hadits yang sama mafhumnya dengan hadits ini.¹⁶⁹

¹⁶⁹ Maksudnya ialah hadits ini dengan sanad sampai kepada Anas adalah gharib dan dhaif. Tetapi ia sahih dengan sanad yang sampai kepada `Amar bin Umaiyah. Hadits `Amar diriwayatkan oleh Ibnu Ḥibbaan di dalam Sahihnya.

Perhatian:

(i) Daripada keempat-empat contoh gharib dengan ma`na ketiga yang dikemukakan oleh Imam Tirmidzi dapat difahami bahawa ia tidak semestinya dha`if. Sanad sesuatu hadits yang dikatakan gharib dengan ma`na ketiga itu boleh jadi berada di puncak kesempurnaan (kerana ia sahih), dan boleh jadi juga ia hanya berada di peringkat kedua sahaja (bertaraf hasan sahaja).

خَاتَمَةٌ: وَقَدْ وَضَعْنَا هَذَا الْكِتَابَ عَلَى الْإِخْتِصَارِ لِمَا رَجَوْنَا فِيهِ مِنَ الْمُنْفَعَةِ نَسْأَلُ اللَّهَ الْمُنْفَعَةَ بِمَا فِيهِ وَأَنْ لَا يَجْعَلَهُ
عَلَيْنَا وَبَالًا بِرَحْمَتِهِ، آمِينَ.

Penutup Kitab

Bermaksud: Kitab ini¹⁷⁰ telah kami karang dengan ringkas dengan harapan ada manfa`atnya (kepada para pelajar dan pembacanya). Kami memohon kepada Allah agar kandungannya bermanfa`at dan dijadikanNya sebagai hujah buat kami dengan rahmatNya, dan tidak dijadikanNya sebagai bencana yang menimpa kami dengan rahmatNya (juga). Aamīn.¹⁷¹

Dalam keadaan sanadnya sempurna, di samping gharib, ia juga dikatakan hasan sahih. Dalam keadaan kedua pula, di samping gharib, ia boleh juga dikatakan hasan. Kadang-kadang pula hadits yang dikatakan gharib dengan ma`na ketiga itu memang dha`if. Seperti sanad Anas yang dikemukakan oleh Tirmidzi pada contoh keempat. Yahya bin Sa`id al-Qatthān telah mengatakan ia sangat dha`if.

(ii) Sebelum ini telah pun disebutkan bahawa Imam Tirmidzi juga selalu menggunakan istilah gharib dengan erti dha`if. Istilah ini memang telah popular di zaman beliau, kerana itu beliau tidak menyebutkan secara berasingan tentangnya. Gharib dengan erti dha`if itu bolehlah dikatakan gharib dengan ma`na keempatnya.

¹⁷⁰ Kitab yang dikatakan oleh Tirmidzi telah dikarangnya dengan ringkas itu boleh jadi meruju` kepada Kitab `Ilal as-Shaghīr ini, dan boleh jadi juga ia meruju` Kitab Sunan at-Tirmidzi. Kebanyakan ulama berpendapat ia meruju` kepada Kitab Sunan at-Tirmidzi.

Kitab Sunan Tirmidzi itu walaupun kepada sesetengah orang sudah pun agak besar, tetapi bagi pengarangnya sendiri ia sebenarnya telah diringkaskan. Sebabnya Imam Tirmidzi mengatakan Kitab itu dikarangnya dengan ringkas adalah kerana beliau tidak mengemukakan semua hadits di bawah setiap tajuk bab.

Kitab itu kelihatan besar kerana di samping Imam Tirmidzi mengemukakan madzhab para fuqaha' mujtahidīn, beliau juga membincangkan tentang sanad-sanad hadits dan perawi-perawinya serta banyak lagi perkara lain yang berkaitan dengan seni memahami hadits.

Adapun jika dilihat kepada hadits-hadits yang dikemukakan di bawah setiap bab sahaja, maka ia memanglah ringkas.

¹⁷¹ Kitab `Ilal as-Shaghīr ini pada asalnya terletak di penghujung Jāmi' at-Tirmidzi sebagai muqaddimah lāhīqahnya. Demikianlah ia terdapat dalam nuskah yang dicetak oleh pencetak-pencetak yang datang kemudian. Padahal ia lebih sesuai diletakkan di permulaan Kitab Jāmi' at-Tirmidzi atau Sunan at-Tarmidzi, lantaran ia merupakan persediaan untuk orang-orang yang hendak membaca atau mempelajarinya.

Sesetengah ulama pula berpendapat Kitab `Ilal ini lebih elok dipisahkan daripada Kitab Jāmi' at-Tirmidzi, kerana walaupun ia merupakan muqaddimah, tetapi pengetahuan tentang `ilal hadits yang bincangkan di dalamnya tidak khusus dengan apa yang tersebut di dalam Kitab

Jāmi`nya sahaja, malah ia umum untuk menilai hadits-hadits yang terkandung di dalam kitab-kitab lain juga.

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين. وصلى الله على سيدنا ومولانا وحبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين.